



eISSN : 3030-5543

The 16th Regional Symposium of The Malay Archipelago

# 16<sup>TH</sup> SIMPORA

## International Conference

*Religion, Traditions and Local Wisdom*

## Proceedings International SYMPOSIUM NUSANTARA

Organised by:

Centre for Knowledge and Understanding of Tropical Architectural and Interior (KUTAI)  
Universiti Teknologi MARA Perak Branch  
Seri Iskandar Campus, Perak, MALAYSIA



**PROCEEDINGS OF THE 16<sup>TH</sup> REGIONAL  
SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO  
SIMPORA XVI: 2025**

**Organised by:**

Centre for Knowledge and Understanding of Tropical Architectural and Interior (KUTAI)  
Universiti Teknologi MARA Perak Branch  
Seri Iskandar Campus, Perak, MALAYSIA

**Diterbitkan oleh:**

Unit Penerbitan UiTM Perak

**Alamat:**

Unit Penerbitan UiTM Perak,  
Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA)  
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,  
32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

05-3742716

uitmperakpress@gmail.com

**© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2025**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system, or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No e- ISSN: 3030-5543

Cover Design: Richard Mareno

Typesetting : Dr Nur Huzeima Mohd Hussain

Dr Wan Faida Binti Wan Mohd Azmi

# PROCEEDINGS OF THE 16TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO SIMPORA XVI: 2025

## EDITOR-IN-CHIEF

Dr Nur Huzeima Mohd Hussain

## EDITORS & REVIEWERS

Associate Professor Dr Kartina Alauddin  
Associate Professor Sr Dr Yuhainis Abd Talib  
Dr Wan Faida Wan Mohd Azmi  
Dr Lilawati Ab Wahab  
Dr Suriati Ahmad  
Dr. Ir. Cut Azizah, S.T., M.T  
Ir. Zuraihan, S.T., M.T. (L)  
Ir, Richard Mareno, S.T., M.T. IPP


## PROOFREADERS

Pn Noraziah Azizan  
Pn Farahidatul Akmar Awaludin

## Organized by;

Centre for Knowledge and Understanding of  
Tropical Architectural and Interior (KUTAI)

Universiti Teknologi MARA Perak Branch  
Seri Iskandar Campus, Perak, MALAYSIA



## **SIMPORA XVI 2025: MAIN ORGANISING COMMITTEE**

### **PATRON**

YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc (VICE CANSELOR UiTM)

### **ADVISOR**

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim (Rector UiTM Perak)

### **CHAIRMAN I**

Associate Professor Dr Mohd Sabrizaa Abd Rashid (KUTAI UiTM Perak)

### **CHAIRMAN II**

Hakim Muttaqim, B.Soc.,Sc.,S.H.,M.Ec.Dev.,AFA (Universitas Almuslim)

### **SIMPORA XVI: 2025 CONFERENCE & DINNER**

Ir.Richard Mareno, S.T.,M.T., IPP

### **INTERNATIONAL STUDENT WORKSHOP**

Ir. Idayani, S.T.,M.T

### **EXCURSION**

Dr. Ir. Cut Azizah, S.T., M.T

### **SECRETARY**

Ir. Zuraihan, S.T.,M.T.

Ir. Maysa Fitri, S.ST., M.T

### **TREASURER**

Rudi Juli Saputra, M.Pd

Sriyanti, S.E

### **GRAPHIC & PROMOTION**

Fitri Muliani, S.Ars., M.T

Mauliana Wahyudi, M.Pd

### **PUBLICATION**

Dr Nur Huzeima Mohd Hussain

Dr Wan Faida Wan Mohd Azmi

### **MOU/MOA/COLLABORATION**

Muhammad Yanis, S.T., M.T

Shaumil Hadi, M.A

## **WORKSHOP MODULE**

Prof. Dr. Cut Dewi, S.T., M.Sc (L)  
Dr. Ir. Laina Hilma Sari, S.T., M.Sc

## **FIELDWORK**

M. Cahyo Novianto, S.T. (JAAI)  
Ir. Royanna Sakura, S.ST., M.S.N

## **DOCUMENTATION**

Muzammil, S.I.kom  
Suherman, S.Kom

## **LOGISTIC**

Muhammad Rizal, M.Si (L)  
Pemda (Kabupaten Bireuen)

## **BANQUET**

Muhammad Darwis, M.Pd (L)  
Kumita, S.T.,M.T

## **REGISTRATION & KIT**

Marisa Hajrina, S.Ars, M.T  
Tira Ayudya Halisya, S.P.W., M.Si

## **MASTER OF CEREMONY (MC)**

Dr. Sri Wahyuni, M.Si  
Azka Rizkina, S.E., M.Si

## **MODERATOR**

IDr Dr Othman Mohd Nor  
Dr. Silvi Listia Dewi, M.Pd  
Dr.rer.nat. Ernawita, M.Sc

## **SPECIAL TASK**

Dr. MARWAN, M.Pd

## **KUTAI DELEGATION**

Associate Professor Dr Mohd Sabrizaa Abd Rashid  
Professor Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said  
IDr Dr Othman Mohd Nor  
Dr Lilawati Ab Wahab  
Dr Iryani Abd Halim Choo  
Associate Professor Sr Dr Yuhainis Abd Talib  
Associate Professor Dr Shahrul Yani Said  
Dr Salwa Ayob  
Dr Mawar Masri  
Nor Idayu Ibrahim

## **SIMPORA XVI 2025: KEYNOTE SPEAKERS**

### **KEYNOTE SPEAKER 1**

DR. KELLY REED,  
OXFORD BROOKES UNIVERSITY

### **KEYNOTE SPEAKER 2**

PROFESOR DATO' DR. ABDULLAH MOHAMAD SAID  
UNIVERSITY TEKNOLOGI MARA, PERAK BRANCH, MALAYSIA



al., 2018). Biasanya manuskrip Melayu akan berhias indah dengan warna-warna berkilau, terutamanya warna emas. Setiap hiasan yang dilakarkan pada manuskrip membawa maksud tersendiri dan berkaitan dengan kehidupan masyarakat setempat. Motif yang dihasilkan adalah berdasarkan peniruan terhadap persekitaran dan melalui proses pengayaan.

Pengayaan merupakan salah satu proses penghasilan karya seni yang mengubah gambaran sebenar. Gambaran tumbuh-tumbuhan atau haiwan telah diketidaksejadian dan seterusnya digayakan mengikut citarasa seniman. Ciri-ciri asal kejadian atau sifat tumbuh-tumbuhan atau haiwan itu telah ditiadakan. Dalam penggunaan motif flora ini adalah berdasarkan bentuk tumbuh-tumbuhan dan haiwan dengan sifat semulajadinya. Bentuk-bentuk haiwan ini telah berlaku stailistik atau pengayaan rupanya dengan keistimewaan tersendiri. Pengayaan ini telah menghasilkan suatu konsepsi keindahan (Dzul Haimi, 2007). Keindahan alam semulajadi dalam sesuatu karya tidak lagi boleh disamakan dengan keindahan rupa sebenar tumbuhan atau haiwan sebenar di dunia.

Keindahan alam semula jadi yang telah diciptakan oleh Allah swt. adalah untuk dihayati oleh manusia. Penggunaan pelbagai motif flora adalah bertujuan bagi keperluan dalam karya seni untuk menghiasi kekosongan sebarang rekaletak (Salawati, 2020). Menurut Abd Rasid Ismail (2014), keperluan motif adalah menjadi unsur visual yang paling utama dalam menghasilkan karya seni. Mubin Shepard (1980) menyatakan bahawa alam semulajadi sememangnya mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Kebiasaannya persekitaran alam semulajadi menjadi sumber inspirasi mereka untuk menghasilkan motif-motif alam yang bersesuaian dengan media dalam menghasilkan karya seni mereka. Motif juga merupakan imej yang dihasilkan untuk mengindahkan lagi sesuatu hasil seni. Keterbatasan manusia dalam menghasilkan gambaran alam semulajadi berdasarkan pengamatan terhadap persekitaran di sekeliling. Manusia tidak mampu untuk menggambarkan sesuatu tanpa pengisian ilmu terlebih dahulu, dan empunya ilmu yang sebenarnya adalah Allah SWT sendiri (Dzul Haimi, 2007). Peniruan yang dibuat akan diubahsuai dan digayakan sehingga motif-motif tersebut terhasil mengikut citarasa mereka (Salawati, Nor Azlin dan Mohammad Nazzri, 2020).

Manuskrip agama seperti 'sastera kitab' (Gallop, 2002) telah dihasilkan di Nusantara selain daripada Al-Quran. Kitab maulid merupakan salah satu daripada manuskrip agama yang terdapat di Kepulauan Melayu dan isi kandungannya dipenuhi dengan ayat-ayat yang memuji baginda Rasulullah s.a.w. Kebanyakan kitab maulid ini telah ditulis dalam bahasa Arab.

### **1.1 Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif untuk menghuraikan elemen motif flora dalam kitab maulid. Bahan kajian adalah kitab-kitab maulid yang berada dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia. Dalam kajian ini, penulis telah merujuk kepada ulasan kajian lampau daripada buku, jurnal, artikel, disertasi tesis dan sumber artikel laman web yang sah seperti 'Google Scholar'. Rujukan yang melibatkan kajian seni bina, ukiran kayu dan seni tekstil di alam Melayu. Kesemua data ini menjadi rujukan utama bagi membantu mengukuhkan proses pengumpulan data dan seterusnya melaksanakan analisa data.

### **1.2 Objektif Kajian**

Penggunaan motif flora telah menarik minat pengkaji dalam mendalami nilai estetika Melayu yang digambarkan di dalam manuskrip Melayu. Persekitaran yang mempengaruhi iluminasi dalam hiasan manuskrip Melayu dikenali pasti berupaya membawa banyak kajian yang dibuat secara objektif, subjektif dan relatif terutamanya tentang motif-motif kajian yang terdapat dalam seni bina, ukiran kayu dan seni tekstil di alam Melayu. Konsep berguru dengan alam yang berdasarkan kajian semiotik mampu menampilkan pelbagai penerokaan ilmu yang boleh dimanfaatkan di pelbagai bidang di alam Melayu.


### **1.3 Konsep Pemilihan Motif Flora**

Motif flora atau motif tumbuhan sering dijadikan sumber inspirasi oleh pengkarya seni dalam menghasilkan motif hiasan dalam karya seni mereka. Pengamatan terhadap persekitaran menjadi inspirasi bagi mereka. Sifat tumbuhan yang lembut dan berwarna-warni mendorong pengkarya seni Melayu untuk menjadikannya sebagai motif hiasan. Abd Rasid Ismail (2014) menyatakan bahawa kelembutan flora yang unik dipadukan dengan kebudayaan orang Melayu yang lemah lembut, berbudi bahasa, dan beradab. Tumbuhan yang menjalar dan berpaut, seperti pokok labu atau pucuk kacang dianggap lembut, memudahkan pengkarya seni untuk merekabentuknya (Abd Rasid Ismail (2014). Motif flora merangkumi elemen-elemen tumbuhan seperti bunga, daun, pucuk, ranting, buah, dan bahagian lainnya. Pengamatan pengkarya seni menghasilkan motif tumbuhan yang mudah ditemui di sekitar rumah atau persekitaran mereka. Nilai motif flora dalam masyarakat Melayu meningkat kerana keunikan dan estetika. Beberapa motif flora yang biasa digunakan dalam ukiran kayu termasuk bunga teratai, daun ketam guri, bunga ketumbit, bunga tajung, pucuk kekacang, paku pakis, daun kangkung, bunga cempaka, dan lain-lain.

### **1.4 Motif Flora dalam Kitab Maulid**

#### **1.4.1 Motif Bunga Teratai**


Motif bunga teratai sering ditemui dalam iluminasi manuskrip Melayu sebagai elemen hiasan yang melambangkan keindahan, kesucian, dan keharmonian. Bunga teratai sering dijadikan simbol dalam kebudayaan Melayu, melambangkan kecantikan dan kesucian serta sering dikaitkan dengan nilai spiritual dan keagamaan. Penggunaan motif bunga teratai dalam iluminasi manuskrip Melayu menunjukkan kehalusan dalam seni hiasan, serta menambahkan nilai estetika dan keindahan dalam karya seni tersebut.



Gambar 1 - Kudup bunga Bunga Teratai

Kebanyakan kitab maulid, motif bunga teratai dalam bentuk kudup yang menghiasi bahagian atas kubah atau tebar layar dihasilkan. Di antara kitab yang mempunyai hiasan ialah kitab maulid MSS1359. Di dalam kitab ini, hiasan yang berada dalam bahagian depan, tengah dan belakang yang telah dihiasi dengan hiasan penuh. Setiap kudup bunga teratai tersebut mempunyai banyak kelopak kecil seakan rupa asal bunga teratai yang belum kembang sepenuhnya. Penggunaan warna pula masih menggunakan warna kuning, merah, biru, hijau dan hitam. Warna hitam digunakan sebagai garisan luar bagi motif teratai bagi penegasan rupa daripada gambaran rupa yang dihasilkan. Penggunaan warna merah dan hijau pula bagi kelopak-kelopak kecil pada bunga teratai.

Kitab maulid MSS175 pula, motif hiasan dalam susunan dan warna yang sama juga dalam kitab maulid ini. Motif hiasan ini telah susun atur di dalam beberapa muka surat kitab maulid ini. Kedudukan bunga teratai masih di bahagian atas tebar layar atau kubah. Dalam kebanyakan buah buton atau mahkota atap mempunyai hiasan bunga teratai seperti yang ditemui dalam beberapa manuskrip Melayu dahulu. Rupa motif teratai yang terdapat di dalam kitab ini mempunyai rupa yang seakan sama gayanya dan pengkarya masih mengekalkan warna yang sama digunakan dalam setiap hiasannya.



Gambar 2 – Motif Bunga Teratai dalam Kitab Maulid MSS1359



Gambar 3 – Motif Bunga Teratai dalam Kitab Maulid MSS175

Dalam MSS 2842 juga, hiasan motif teratai berada di dalam setiap muka surat yang berhias penuh. Setiap motif bunga teratai yang dilukis di atas tebar layar seakan-akan sama. Setiap motif ini akan diletakkan sekuntum bunga kecil yang berwarna kuning. Hiasan yang sederhana tetapi menarik dengan susunan bunga yang diselitkan pada bahagian atas dan bawahnya. Hiasan seakan kelopak teratai di letak bahagian tengah. Kelopak bunga ini telah dilukiskan garisan-garisan halus yang berkemungkinan menghasilkan rupa yang lebih hidup. Penggunaan warna merah, kuning, biru dan hitam dikekalkan dalam setiap iluminasi dalam manuskrip ini.



Gambar 4– Motif Bunga Teratai dalam Kitab Maulid MSS2842

#### 1.4.2. Motif Sulus Bayung

Dalam seni bina Melayu tradisi, motif sulur bayung juga merupakan motif yang sangat sinonim dengan hiasan seni bina Melayu. Kebiasaannya motif sulur bayung ini akan banyak digunakan pada penghujung perabung atau hujung som (Muhammad Affandi Yahya, 1995). Menurut beliau lagi, motif sulur bayung banyak digunakan dalam hiasan rumah, masjid dan wakaf. Menurut beliau lagi, motif sulur ini hanya kelihatan pada binaan wakaf yang dibuat bagi tujuan perhiasan sahaja.



Gambar 5 – Tumbuhan Melingkar

**a. Motif Sulur Bayung Sebagai Panel Pembahagi Dalam Mukasurat**


Motif hiasan ini berfungsi sebagai panel pembahagi kepada muka surat bagi ayat yang berbeza atau permulaan bagi ayat yang baru. Kaedah ini menimbulkan kesan yang menarik dalam muka surat kerana hiasan mewah dengan motif bunga yang mampu menarik perhatian pembaca.



Gambar 6 – Motif Sulur Bayung Sebagai Panel Pembahagi Dalam Muka surat Kitab Maulid MSS2437

**b. Motif Sulur Bayung Dalam Ruang Tengah Pembahagi Kolum**

Di dalam kitab maulid MSS819 dan MSS2437, motif sulur bayung digunakan dalam menghasilkan kolum berhias. Motif hiasan ini berfungsi sebagai tiang tengah pembahagi kolum kepada muka surat bagi ayat- ayat yang pendek. Tiang tengah pembahagi kolum hanya terdapat dalam kitab maulid bagi manuskrip Melayu. Cara hiasan dalam pembahagi kolum ini mampu untuk menghasilkan reka letak yang lebih kemas dan menarik perhatian pembaca.



Gambar 7 – Motif Sulur Bayung Sebagai Dalam Ruang Tengah Pembahagi Kolum Kitab Maulid MSS819 dan MSS2437

### c. Motif Sulur Bayung Dalam Menghasilkan Hiasan Bingkai

Di dalam kitab maulid MSS2437 sebagai salah satu contoh yang menggunakan motif sulur bayung bagi tujuan menghasilkan bingkai. Bunga-bunga yang melingkar akan kelihatan mewah dengan warna yang bersuaian menjadikan kitab maulid sebagai salah satu kitab Melayu yang unik. Penggunaan warna dan motif yang sekata dengan bahagian lain mampu meninggalkan kesan keindahan walaupun kitab tersebut berusia lebih ratusan tahun. Kebiasaannya motif sulur bayung terhasil daripada pengamatan pengkarya seni terhadap tumbuh-tumbuhan yang dihasilkan secara berulang-ulang.



Gambar 8 – Motif Sulur Bayung Sebagai Dalam Menghasilkan Hiasan Bingkai Kitab Maulid MSS2437

### 1.4.3 Motif Bunga Cempaka


Bunga yang mempunyai lima kelopak apabila berkembang. Bunga ini dikatakan mempunyai beberapa jenis iaitu bunga cempaka hutan, bunga cempaka telur dan bunga cempaka keling. Sifatnya sebagai tumbuh untuk menjadi peneduh.



Bunga Cempaka  
Hutan



Bunga  
Cempaka Telur




Bunga Cempaka  
Keling




Gambar 9 –Bunga Cempaka

Di dalam kitab maulid MSS2858 yang berada dalam koleksi PKMMPNM, gaya motif bunga cempaka kembang (Teluk Intan) digunakan di dalam karya. Walaupun bilangan kelopak berkurang, tetapi gaya kelopak dan garisan bulatan di dalamnya seakan sama dengan motif ukiran kayu. Gaya yang dipermudahkan adalah kerana hiasan dalam manuskrip bersifat lukisan tangan dan lebih bebas dalam penghasilannya.

Ragam hias dengan pengayaan motif bunga cempaka terdapat di dalam kitab maulid MSS4040. Kuntuman bunga yang berada di tengah serta daun-daun yang melingkar di tepi. Sebahagian gaya motif cempaka dalam kitab maulid MSS4040. Namun, yang membezakannya adalah garisan motif MSS4040 dihasilkan secara ringkas dan bebas.



MSS2858



MSS4040

Gambar 10 – Motif Bunga Cempaka Kitab Maulid MSS2858 dan MSS4040

#### 1.4.4 Motif Pokok Ketam Guri

Ketam guri atau nama saintifiknya *Sida Rhomhifolia* sp. merupakan tumbuhan yang biasa ditemui tumbuh di kawasan padang terbuka atau terbiar. Pokok ini juga dikenali dengan nama getang guri, segar guri atau jerun jantan. Pokok dan bunga ketam guri cukup sinonim dengan seni ukiran kayu kerana ia adalah di antara motif utama dalam seni ini.



Gambar 11 Pokok Ketam Guri

Sumber : <https://www.melur.com/tumbuhan/jerun/>

Gaya motif ini terdapat dalam ragam hias kitab maulid MSS2842. Sifat daun yang meliuk lintuk dan kelihatan agak lembut dikekalkan dalam lukisan ilustrasi dalam kitab maulid ini. Daun pokok ketam guri ini telah dipermudahkan rupa bentuknya. Di dalam bahagian daunnya terdapat garisan kecil untuk mewujudkan jalinan pada kelopak seperti ukiran kayu (Mohd Sabrizaa Abdul Rashid (2009).



MSS2842

Gambar 12 – Motif Pokok Ketam Guri Kitab Maulid MSS2842

#### 1.4.5. Motif Kelopak Daun Dewa

Dalam ragam hias kitab maulid MSS2437, motif flora seakan motif Kelopak Daun Dewa (Langkasuka) ini digunakan. Daun yang melentik dan bergulung digunakan dalam kitab maulid MSS2437. Motif Daun Dewa atau Kelopak Langkasuka merupakan salah satu daripada motif ukiran kayu terkenal di Malaysia. Pada abad ke-6, rekaannya dikatakan sama seperti motif hiasan dalam kerajaan Ayutthaya di Siam dan kerajaan Majapahit di Pulau Jawa. Penggunaan daun lebih ketara dalam rekaan hiasan tanpa menggunakan bunga. Motif ini juga dikatakan banyak menggunakan unsur tenaga bumi berserta tanah, air, api dan angin (Nila Inangda Manyam Keumala Daud *et.al* (2012).



Gambar 13 – Kelopak Daun Dewa



MSS2437

Gambar 14 – Motif Bunga Cempaka Kelopak Daun Dewa Kitab Maulid  
MSS2437

#### 1.4.6 Motif Bunga Kangkung

Kangkung merupakan sejenis tanaman dalam kategori sayur daun yang popular untuk daun, batang dan warna bunga. Kangkung darat berdaun tirus, batang berwarna hijau cerah dan berbunga putih. Manakala kangkung air pula berdaun agak lebar, batang lebih besar dan hijau tua serta bunga yang berwarna kemerah-merahan. Dalam kitab maulid, motif bunga kangkung ini juga kelihatan digunakan sebagai hiasan dalam kitab maulid MSS3127. Hiasan dalam manuskrip ini telah dipermudahkan rupanya dan kelihatan lebih bebas garisan yang terhasil. Cuma kelihatan seakan agak panjang dan berkelopak di bahagian atasnya.



Gambar 15 – Bunga Kangkung



Gambar 16 – Motif Bunga Kangkung dalam Kitab Maulid MSS3127

Motif bunga kangkung di dalam kitab maulid MSS3127 ini di dalam bentuk lakaran yang telah digayakan. Pengayaan yang telah mengubah rupa asal merupakan ciri-ciri dalam kebanyakan motif karya Melayu tradisi.

#### 1.4.7 Motif Paku Pakis

Sejenis tumbuhan yang sangat mudah ditemui di dalam hutan belukar Malaysia. Ciri utama yang ada pada tumbuhan ini adalah pada pucuk daun muda yang membentuk seperti 'gelungan tali' yang berlingkar. Kebiasaannya, tumbuhan ini tumbuh meliar di persekitaran kita. Sejak dari dahulu lagi, nenek moyang kita sudah menggunakan tumbuhan ini dalam perubatan mereka. Di antara perubatan tradisional yang


menggunakan daun ini ialah mengubati penyakit kulit, luka, penahan darah, penyubur rambut atau pun sakit perut.



Gambar 17 – Paku Pakis

Di dalam kitab maulid MSS1624, di bahagian atas terdapat hiasan tumbuh-tumbuhan yang menyerupai pokok paku. Hiasan paku pakis berada di kiri kanan kubah potong bawang. Kedudukan yang berada pada empat bahagian memenuhi ruang atas kitab maulid MSS1624.

Motif paku pakis ini diletakkan pada kedudukan ini untuk memberikan keseimbangan dalam karya. Rupa yang seakan sama hanya diulang pada bahagian tersebut. Pengulangan pada motif ini menjadikan karya ini kelihatan lebih menarik dan menggambarkan pengkarya Melayu masih mengekalkan pengamatan terhadap alam. Pokok paku ini telah distailistik mengikut sifat asalnya. Rupa paku pakis ini tidak diwarnakan dengan sebarang warna tetapi dikekalkan hanya menggunakan garisan hitam sahaja.



Gambar 18 – Motif Paku Pakis dalam Kitab Maulid MSS1624

## KESIMPULAN

Dalam penghasilan motif, pengaruh persekitaran memainkan peranan penting di samping mempunyai kesabaran yang tinggi. Motif alam yang mempunyai pelbagai tumbuhan yang unik dan berharga dipilih untuk menghasilkan kesenian ini. Pengamatan terhadap alam dan menyanjungi ciptaan Illahi merupakan satu inti pati penting dalam menghasilkan seni yang unik ini. Kajian berkaitan dengan seni manuskrip dan seni kraf yang lain perlu diberi perhatian untuk mengenalpasti perbandingan antara seni yang dihasilkan bagi mengenalpasti unsur pengaruh dan mempengaruhi antara satu sama lain sebagai gambaran kreativiti Melayu. Generasi muda perlu mengambil inisiatif untuk menilai estetikanya yang tiada tolok bandingannya ini.

## RUJUKAN

- Ab.Razak bin Ab.Karim (2009). *"Seni Hias dalam Warkah –warkah Melayu Lama"* dalam *Prosiding Antarabangsa Kesenian 'Seni Dekorasi: Pelestarian dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. hlm: 45-63.
- Ab.Razak bin Ab.Karim (2013). *Warkah Raja-Raja Melayu, Struktur, Stilistik Dan Nilai Estetika*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Abd Rasid Ismail (2014). *Alam Sebagai Motif Kraftangan Fabrik Melayu Tradisi*.UiTM Press, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor.
- Al- Faqir Ilallah Al – Qawiy Muhammad Fuad bin Kamaludin Al-Maliki(2009). *Maulid Barzanji*. Kuala Lumpur : As Sofa
- Dzul Haimi Md Zain et.al. , (2007). *Ragamhias Al – Quran di Alam Melayu*. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Farish A. Noor et.al., (2011). *Spirit of Wood, The Art of Malay Woodcarving*. Peripulus Editions Hong Kong.
- Gallop, A.T., (1994). *Warisan Warkah Melayu*, British Library.Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur
- Gallop, A.T. (2004). *Seni Naskhah Islam di Asia Tenggara dalam buku Bulan Sabit,Seni dan Peradapan Islam di Asia Tenggara (Bab 5)*. Art Gallery of South Australia. Adelaide.
- Haziyah Husssin, (2010). *Perbandingan Reka bentuk Corak dan Motif Melayu dalam Tekstil dan Ukiran Kayu* artikel dalam buku *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm: 183-204
- James Bennett, (2006). *Crescent Moon, Islamic Art & Civilisation in Southeast Asia*. Art Gallery of South Australia, Adelaide and National Gallery of Australia, Canberra.
- Katalog Pameran, Persuratan Melayu, (2003). *Warisan Intelek Silam.* ; Sempena Sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Katalog Manuskrip Melayu di Belanda, (1983). Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

- Mohd Sabrizaa bin Abdul Rashid, (2009). Persidangan Antarabangsa Kesenian - Seni Dekorasi: Pelestarian & Pembangunan, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. [https://www.academia.edu/cadangan\\_kaedah\\_kod\\_s\\_bagi\\_penamaan\\_dan\\_penentuan\\_motif\\_bunga\\_ukiran\\_melayu\\_dalam\\_proses\\_inventori](https://www.academia.edu/cadangan_kaedah_kod_s_bagi_penamaan_dan_penentuan_motif_bunga_ukiran_melayu_dalam_proses_inventori)
- Mu'jizah, (2009). *Iluminasi dalam Surat-Surat Melayu Abad ke -18 dan ke -19*. Jakarta. Kepustakaan Populer Gramedia.
- Rozimah Bidin, Salawati Abdul Wahab dan Siti Hajar Abdul Rahman, (2009). Kertas Kerja : *Simbol Alam Dalam Ragamhias Melayu Tradisi*, Seminar Alam Bina, Universiti Teknologi Mara Perak.
- Salawati bt Abdul Wahab et.al.,(2009). Pengaruh Persekitaran Dalam Ragam Hias Seni Anyaman Melayu Tradisi artikel dalam buku Prosiding Isu-isu Sastera dan Budaya, Persidangan Seni Kebangsaan 24-5 Julai 2009. Universiti Malaysia, Kota Kinabalu Sabah.
- Salawati bt Abdul Wahab (2024). Ragam Hias Dalam Kitab Maulid dalam Koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia dalam tesis Ijazah Kedoktoran, Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Wan Hashim Wan Teh, (2021). Malay Handicraft Industries: Origins and Development. Kuala Lumpur. DBP. hlm 104.



**SIMPORA XVI : 2025**